

Newspaper	Berita Harian
Date	12/2/2011

# Eropah, Barat kena belajar cara Asia

Masyarakat majmuk hidup aman: Dr M

Oleh Hazirah Che Sab  
zeehan@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR:

Tun Dr Mahathir Mohamad meminta Eropah dan Barat mempelajari cara penduduk Asia yang dapat hidup aman walaupun dihuni rakyat pelbagai agama dan budaya.

Dalam ucapannya bertajuk 'Pengajaran Eropah dan Barat Boleh Belajar Daripada Negara dan Masyarakat Asia,' bekas Perdana Menteri, berkata cara Asia berdepan konflik ditunjukkan sejak zaman kegemilangan Melaka lagi dan ia bukan dalam bentuk kekerasan.

"Apabila pedagang Portugis ditangkap di Melaka pada 1509, Portugal menghantar kapal perang untuk menyerang dan menakluk Melaka. Perkara itu tidak dilakukan China yang amat berpengaruh ketika itu.

"Saya pasti ada pedagang Cina, India dan Arab yang juga ditangkap dan dihukum kerana melakukan kesilapan tetapi kerajaan masing-masing masih meneruskan perdagangan dengan Melaka.

"Malah Kerajaan China menghantar Cheng Ho untuk menjalin hubungan diplomatic" katanya.

Berucap pada Majlis Pelancaran majalah *Globalia* di Muzium Kesenian Islam, di sini semalam, Dr Maha-



thir berkata, apa yang perlu dilakukan Barat ialah membuka minda dan tidak menganggap mereka tahu segala-galanya dan orang lain tidak tahu apa-apa.

Dalam sesi soal jawab selepas itu, beliau menyifatkan saranan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew supaya orang Melayu tidak harus terlalu berpegang kuat dengan ajaran Islam bagi membolehkan pelan integrasi masyarakat dilaksanakan, sebagai tidak menghormati sensitiviti agama lain.

"Kita tak ada masalah dengan mengintegrasikan rakyat walaupun berbilang kaum dan agama. Masyarakat Cina melawat rakan Melayu yang menyambut Hari Raya.

"Begitu juga orang Melayu melawat rakan berketurunan Cina. Masyarakat Cina di sini hormat pegangan kita (Melayu) dan mereka tidak menghidangkan daging babi kerana tahu orang Islam tidak makan babi," katanya.

Lee membuat kenyataan itu dalam bukunya yang bertajuk: *Lee Kuan Yew: Hard Truths to Keep Singapore Going*.

Secara berjenaka, Dr Mahathir berkata, beliau tidak begitu tahu status kesihatan mental Lee dan menambah: "Dia tua tiga tahun daripada saya. Saya tidak tahu sama ada saya sudah nyanyuk tetapi jika saya nyanyuk, dia sudah tentu lebih teruk daripada saya."